



**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Galeria PjH, Aras 4, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

Tel : 03-88919000
Faks : 03-88919056

Ruj. Kami : JPPKK.BK.600-14/1/11 (8)
Tarikh : 22 Januari 2020

Senarai edaran seperti di Lampiran 1

Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN KURSUS PROJEK
AKHIR DIPLOMA PENGURUSAN ACARA POLITEKNIK MALAYSIA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Kurikulum (BK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama Panel Penulis telah siap membangunkan **Garis Panduan Kursus Projek Akhir Diploma Pengurusan Acara Politeknik Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia** yang dibangunkan untuk memberi panduan dan sumber rujukan kepada Politeknik yang terlibat dalam merancang dan melaksanakan proses kerja yang berkaitan kursus Projek Akhir bagi pelajar jurusan Diploma Pengurusan Acara.

3. Dokumen ini telah disusun atur supaya praktikal dengan pelaksanaan di Politeknik dan selari dengan rujukan umum Politeknik Malaysia iaitu Buku Panduan Projek Pelajar (Program Diploma) Politeknik Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi; Edisi 2016 yang diterbitkan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi. Untuk makluman tuan/puan, dokumen ini merupakan satu usaha untuk menyelaraskan penyediaan, pelaksanaan dan pelaporan projek akhir pelajar yang dilaksanakan oleh semua politeknik yang menawarkan program pengajian Diploma Pengurusan Acara supaya lebih teratur dan seragam.


4. Sehubungan itu, penggunaan dokumen ini akan berkuatkuasa bermula pada tarikh surat ini dan boleh dimuat turun di laman sesawang www.mypolycc.edu.my mulai **23 Januari 2020**. Adalah diharapkan dokumen Garis Panduan ini dapat dijadikan dokumen rujukan dan panduan serta dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan, boleh berhubung dengan pegawai kami Puan Nur Liyana Binti Mohd Sahiffudin di talian 📞 03-88919072 atau email liyana_ms@moe.gov.my.

Kerjasama dan sokongan daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(NOOR AIDI BINTI NADZRI)
Pengarah
Bahagian Kurikulum
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

SENARAI EDARAN POLITEKNIK

Politeknik Ibrahim Sultan
KM.10, Jalan Kong Kong,
81700 Pasir Gudang, Johor

Politeknik Merlimau
Jalan Jasin,
77300 Merlimau, Melaka

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
Pauh Putra,
02600 Arau, Perlis